



SIARAN MEDIA

RETHINK 2025 KOMITMEN BERSAMA UNTUK MEMPERKUKUH AGENDA EKONOMI KITARAN NEGARA

PUTRAJAYA, 22 Oktober 2025 – Malaysia terus melakar kejayaan di peringkat antarabangsa apabila menerima **Anugerah Tertinggi Global daripada Zero Waste Foundation semasa Global Zero Waste Forum 2025** yang berlangsung di Istanbul, Turki, baru-baru ini. Penganugerahan berprestij ini merupakan pengiktirafan terhadap komitmen berterusan negara dalam merealisasikan agenda pembangunan mampan dan pendekatan sifar sisa selaras dengan prinsip ekonomi kitaran.

Selaras dengan penerimaan anugerah tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan **ReThink 2025 Expert Talk: Malaysia's Solid Waste Circular Transition** di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) hari ini.

ReThink 2025 merupakan sebuah platform strategik yang menghimpunkan pelbagai **250 pemegang taruh utama** dalam bidang ekonomi kitaran iaitu merangkumi pembuat dasar, ahli akademik, pemain industri serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Melalui penyertaan pelbagai pihak berkepentingan ini, ia bukan sahaja membuka ruang kolaborasi rentas sektor malah memperkukuh pertukaran ilmu, kepakaran dan amalan terbaik dalam usaha memperkasa pembangunan ekonomi kitaran di Malaysia. Selain daripada itu, semua pemegang taruh diseru untuk memikirkan semula (*rethink*) cara terbaik dalam menguruskan sumber, pengeluaran, penggunaan dan sisa secara mampan.

KPKT melihat pembangunan ekonomi kitaran sebagai suatu agenda transformasi nasional yang berpotensi mempergiat momentum pelaksanaan ekonomi kitaran di Malaysia. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi **Kerajaan MADANI** yang menekankan prinsip kemampanan, kesejahteraan sosial dan pertumbuhan ekonomi hijau sebagai teras pembangunan negara.

Program hari ini telah mengiktiraf **Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (*Extended Producer Responsibility - EPR*)**. EPR merupakan instrumen tunjang dalam ekonomi kitaran dengan meletakkan tanggungjawab bersama Kerajaan dan swasta dalam menguruskan sisa secara mampan dan bertanggungjawab seterusnya mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam menguruskan sisa. Pelaksanaan EPR ini dapat mengurangkan pergantungan kepada tapak pelupusan selain meningkatkan kadar kitar semula kebangsaan.

Bagi menghargai syarikat penyampaian sijil penghargaan kepada lima belas (15) syarikat pengeluar yang merupakan perintis awal (*early adopters*) pelaksanaan EPR di Malaysia.

KPKT komited untuk terus memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan, industri dan masyarakat dalam merealisasikan agenda ekonomi kitaran negara. Usaha berterusan ini diharap dapat memastikan Malaysia kekal berada di landasan yang kukuh menuju ke arah masa depan yang lebih bersih, hijau dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan matlamat pembangunan mampan negara.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).
Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T